



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 13 NOVEMBER 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DEGIL TIDAK MAHU BAYAR KOMPAUN, 10,000 EKOR AYAM DISITA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	KES CURI BATU KARANG, IKAN HIASAN DI PORT DICKSON KIAN PARAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	LIMPAHAN AIR MASIN, PENTERNAK IKAN RUGI LEBIH RM50,000, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	LAIN – LAIN
4.	DIPLOMASI DURAIN SATUKAN PERAK TENGAH – SELATAN THAI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 21	
5.	SHELTER SETS UP PJ FUNDRAISING SALE SERIES TO HELP DOGS PALLIATIVE CARE, EVENTS, THE STAR, M/S – 10	
6.	'KALAU MENGAKU KENA SAMAN', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 12	
7.	BANTUAN MESIN PEMBUNGKUS LONJAK PERNIAGAAN NURUL HUDA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 7 '	
8.	FARMIERA UPBEAT ON POULTRY SECTOR'S 2026 OUTLOOK, BIZ & FINANCE, THE SUN, M/S – 14	
9.	FARMIERA TO PRIORITIES UPSTREAM INTEGRATION, NEWS, THE STAR, M/S – 2	
10.	DIALOG BUKTI KOMITMEN BANTU NELAYAN KARUMBUNAI – DR ALIAKBAR, PRN SABAH, HAKAH, M/S – 6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Degil tidak mahu bayar kompaun, 10,000 ekor ayam disita



BEBERAPA pegawai veterinar menyita 10,000 ekor ayam dari sebuah ladang ternakan selepas didapati gagal membayar kompaun dan tidak mengendahkan aduan penduduk di Kampung Tumbuk Darat, Kuala Langat, Selangor semalam.

KUALA LANGAT: Akibat aduan dan kompaun tidak diendahkan, pemilik sebuah ladang ternakan terpaksa berputih mata selepas 10,000 ekor ayamnya disita oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor, semalam.

Ladang yang beroperasi tanpa lesen di Kampung Tumbuk Darat, Tanjung Sepat di sini itu dikesan mencetuskan masalah bau busuk yang mengganggu penduduk berdekatan.

Pengarah JPV Selangor, Dr. Hassuzana Khalil berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk kira-kira tiga bulan lalu sebelum mengeluarkan notis kompaun kepada pemilik, namun ia tidak dibayar.

"Sebelum ini kami mengenakan kompaun RM2,000 kepada pemilik selepas membuat pemeriksaan. Namun ia tidak dibayar. Oleh sebab itu, hari ini kami mengambil tindakan pen-guatkuasaan.

"Kami menyita kesemua ternakan tersebut serta merobohkan ladang yang terdiri daripada lima reban di atas tanah seluas kira-kira lima ekar (dua hektar)," katanya ketika ditemui selepas operasi tersebut.

Hassuzana berkata, kesemua ayam yang disita itu berusia kira-kira 40 hari dengan nilai sitaan berjumlah RM50,000.

Dalam operasi yang bermula pukul 9 pagi itu, beberapa indi-

vidu dipercayai pekerja ladang cuba mengganggu pemeriksaan dengan menutup pintu masuk bagi menghalang 30 anggota dan pegawai JPV Selangor serta tiga anggota polis.

Katanya, pemilik ladang dikenakan tindakan di bawah Seksyen 9 Enakmen Perladangan Unggas 2007 iaitu menjalankan atau mengusahakan perladangan unggas tanpa lesen.

Manakala tindakan sitaan diambil di bawah Seksyen 25 (2) enakmen sama.

"Polis turut menahan seorang pekerja ladang itu, dipercayai warga Bangladesh berumur lingkungan 30 tahun kerana tidak memiliki dokumen yang sah," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Kes curi batu karang, ikan hiasan di Port Dickson kian parah

PORT DICKSON: Khazanah marin seperti batu karang dan ikan hiasan di perairan Pantai Tanjung Biru hingga ke Tanjung Tuan di sini, diancam kegiatan pencurian.

Aktivis pemuliharaan marin, Noor Fadzli Shah, 46, berkata, antara hidupan laut yang menjadi sasaran pihak tidak bertanggungjawab termasuklah ikan karang seperti *clownfish* (ikan nemo) yang popular dijadikan sebagai ikan hiasan.

Katanya, kegiatan itu bukan baharu, namun dakwanya semakin berleluasa kebelakangan ini.

"Ia bukan perkara baharu. Saya sudah menyelam di kawasan ini sejak 2010.

"Saya tidak pasti sama ada ia dilakukan oleh individu persendirian atau peniaga, namun kemungkinan besar aktiviti ini melibatkan orang tengah yang menjual kepada kedai ikan

hiasan," katanya ketika ditemui di Pantai Tanjung Biru.

Jabatan Perikanan (DOF) menetapkan perairan sejauh satu batu nautika dari Pantai Tanjung Tuan adalah kawasan larangan perikanan.

Ia telah diwartakan mengikut Peraturan-peraturan Perikanan (Kawasan Larangan) 1994.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun menggesa pihak berwajib meningkatkan penguatkuasaan bagi mengekang aktiviti menangkap ikan dan mencuri batu karang di kawasan terlibat.

"Saya tidak mahu pelancong mengambil kesempatan membawa pulang batu karang atau ikan hiasan dari kawasan itu.

"Tindakan tegas terhadap mereka yang mencero boh perlu diambil agar kawasan tersebut terus dijaga," katanya.



KAWASAN perairan Pantai Tanjung Biru di Port Dickson, Negeri Sembilan diancam kegiatan pencurian batu karang dan ikan hiasan.
- UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Limpahan air masin, penternak ikan rugi lebih RM50,000

TUMPAT: Seorang penternak kerugian lebih RM50,000 apabila 18 sangkar ikan miliknya di dalam tali air Kampung Terbak, Kelaboran di sini, mati selepas air laut masuk ke kawasan itu malam Isnin lalu.

Dakwa penternak itu, kejadian berpunca daripada pintu air di Dalam Rhu tidak ditutup semasa air pasang besar, sekali gus menyebabkan air laut memasuki tali air.

Eh Thom, 52, berkata, ini merupakan kejadian paling buruk yang pernah dialami sepanjang lima tahun menternak ikan di kawasan tersebut.

Katanya, kesemua ikan yang mati itu dalam proses untuk dijual kepada pelanggan dan pemborong, lantas meletakkan dirinya dalam dilema.

“Setiap dua minggu sekali saya akan membawa masuk benih baharu. Bila sampai tempoh matang, ia akan terus dijual.

“Saya pelihara ikan jenis tilapia dan keli,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Eh Thom memberitahu, dia mengalami kerugian yang teruk kerana sangkar ikan miliknya itu berada berhampiran pintu air.

Katanya, kejadian itu turut membabitkan beberapa petani yang mengusahakan sayur-sayuran di kawasan tersebut.

Terdahulu, kerugian yang dialami Eh Thom tular selepas dimuat naik oleh seorang pengguna laman sosial Facebook.



SEBAHAGIAN ikan milik Eh Thom yang mati selepas kawasan sangkar peliharaan dimasuki air masin di Kampung Terbak, Tumpat, Kelantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2025	NEW STRAITS TIMES	BUSINESS	29

CEO UPBEAT ABOUT GROWTH

Farmiera makes soft debut on ACE Market

KUALA LUMPUR: Halal poultry producer Farmiera Bhd made a soft debut on the ACE Market of Bursa Malaysia yesterday, opening at its initial public offering (IPO) price of 25 sen before easing shortly after.

At 9.25am, the counter fell two sen or eight per cent to 23 sen, with nearly 32 million shares changing hands, making it the second-most actively traded stocks in early trade.

Farmiera wrapped up its first trading day down one sen or four per cent at 24 sen, with 41.43 million shares traded.

The company's listing marks the 48th initial public offering (IPO) on Bursa Malaysia this year and the 37th on the ACE Market.

Initially, the company's public issue of new shares was met with strong investor demand, being oversubscribed by 16.69 times.

Founded in 2013, the Klang-based company is involved in broiler production and raw poultry processing.

Farmiera currently operates 15 broiler farms and works with 44 contract farms across Selangor, Negri Sembilan, Perak, Pahang and Melaka. It also runs two ha-

lal-certified processing plants in Ipoh, Perak, and Lukut, Negri Sembilan.

With the RM29.25 million raised through issuance of 117 million new shares, Farmiera plans to support its upstream integration strategy.

About RM22.15 million or 76 per cent of the proceeds will be used to develop two parent stock farms and a hatchery, which will eventually supply 40 per cent of its poultry farming requirements.

The company has also allocated RM2.8 million or about 10 per

cent of the proceeds for working capital, while the balance RM4.3 million will be used to cover listing-related expenses.

Farmiera managing director and chief executive officer Hong How Seng said the listing, along with the proceeds raised from the IPO, plays a pivotal role in driving the group's growth strategy.

"We look forward to building on this momentum as we continue to deliver high-quality raw poultry products and create meaningful value for everyone who have supported us on this amazing IPO journey," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	21

Diplomasi durian satukan Perak Tengah–Selatan Thai

IPOH - Siapa sangka raja buah yang bukan sahaja popular di Malaysia, malah di seluruh rantau ASEAN mampu menjadi jambatan penyatuan dua negara.

Fenomena itu terbukti sempena Festival Durian Antarabangsa Kampung Gajah 2025 yang menerima kunjungan delegasi 20 pegawai dari Thailand diketuai Penolong Setiausaha Agung Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan (SPBAC), Kanokrat Phongthunyawiriya, baru-baru ini.

Kehadiran delegasi tersebut menjadikan festival berkenaan bukan sekadar pesta buah-buahan, sebaliknya simbol diplomasi rakyat antara Daerah Perak Tengah dan Wilayah Selatan Thailand, berteraskan semangat kerjasama, pelancongan dan pembangunan sosioekonomi serantau.

Pengerusi Persatuan Pembangunan Komuniti Perak Tengah, Nordin Abdul Malek, berkata penganjuran bersama Institut Agro dan Keusahawanan (IGROW) itu mencapai matlamatnya sebagai platform memperkenalkan potensi durian



Kanokrat (kiri) meninjau proses pengumpulan hasil durian di Kampung Pasir Kubu, Pulau Tiga, Kampung Gajah, Pasir Salak dalam kunjungannya baru-baru ini.

Kampung Gajah ke peringkat antarabangsa.

“Durian bukan hanya simbol hasil pertanian, tetapi buah yang mampu menyatukan masyarakat pelbagai negara. Kerjasama dengan pihak Thailand khususnya SPBAC membuktikan wujudnya kesepakatan dalam membawa mesej keamanan dan kemakmuran bersama.

“Festival ini merupakan jambatan yang bukan sahaja untuk menyatukan masyarakat

dunia tetapi juga dapat meneroka banyak peluang-peluang sosioekonomi di peringkat antarabangsa,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Selasa.

Nordin juga menegaskan, festival itu mencapai matlamatnya bukan sahaja dalam memperkasa industri durian, tetapi turut membuka lembaran baharu hubungan diplomasi komuniti, pembangunan ekonomi dan pelancongan Perak Tengah dan negara jiran.

Shelter sets up PJ fundraising sale series to help dogs in palliative care

MANAGING a shelter for rescued street animals is already a big challenge; extending palliative and end-of-life care for dying and sick canines is a test of strength and resilience.

Then there are the mounting costs, especially in veterinary bills.

Malaysian Dogs Deserve Better (MDDB) veterinary care coordinator Kavitha Ganasan said the biggest hurdle for the organisation was securing sufficient funds to cover extensive medical bills.

Its solution is a series of monthly sales, starting this weekend, with proceeds going towards vet bills now in the range of RM150,000.

"Besides young and robust dogs that are placed at our shelter, we also have about 70 that are elderly, disabled or suffering from terminal illnesses and are

in the last phase of their lives at our halfway home," said Kavitha.

The dogs, she said, were taken care of and showered with love as well as given the necessary veterinary care until the end of their lives.

Euthanasia is only carried out on animals that are suffering. However, the cost of caring for these animals has mounted significantly.

Kavitha said rendering palliative and end-of-life care as well as taking care of disabled and old dogs has accumulated extensive bills at Gasing Veterinary Hospital in Petaling Jaya, Selangor.

"We have amassed almost RM150,000 in veterinary care and are very grateful that the hospital administration is still treating our dogs with so much compassion and care," she said.

To help settle its mounting bills, MDDB has launched a new monthly sales initiative involving preloved and new items such as clothes, crockery, shoes, handbags and decorative items.

"We will be having our inaugural sales on Nov 15 and 16 and the first round will be women's clothing."

"We have received many new as well as preloved clothes such as gowns, dresses, pants, blouses, skirts, sarongs, kurtis, lengghias, cheongsam as well as winter coats that are all in pristine condition," said Kavitha.

Prices range from RM20 to RM120.

The sale will be held from 11am to 7pm on both days at No.17, Jalan SS3/46, SS3 in Petaling Jaya.

For details, WhatsApp 012-284 6039 or e-mail malaysiandogsdeservebetter@gmail.com



MDDB's monthly sales will help pay off bills for its elderly, disabled dogs as well as those under the organisation's canine palliative care. — Photo: WANI MUTHIAH/The Star

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Penternak rayu padang ragut, elak haiwan ternakan berkeliaran

'Kalau mengaku kena saman'

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulla.com.my

TELUK INTAN: "Tahun lepas dan tahun ini saja, tujuh ekor lembu saya mati kena langgar. Apabila jadi macam itu, siapa nak tanggung? Kalau mengaku itu haiwan kami, takut pula kena saman."

Itu pengakuan seorang penternak lembu di Langkap dekat sini yang mengaku, melepaskan ternakannya untuk mencari makanan di kawasan hutan hingga ada yang memasuki jalan raya dan terbabit dalam kemalangan.

Menurutnya, dia memiliki 46 ekor lembu yang dilepaskan setiap pagi di kawasan hutan bagi mencari makanan.

"Kalau hendak bagi makan dalam kandang, kami tidak cukup tenaga kerja untuk potong dan angkut rumput dari hutan. Lembu dilepaskan supaya boleh cari makan sendiri," katanya kepada *Utusan Malaysia*, yang turut mengakui beberapa ekor lembunya pernah mati akibat melanggar kenderaan.

Penternak berkenaan berharap pihak berkuasa dapat menyediakan kawasan padang ragut khas bagi memudahkan penternak mengawal ternakan mereka.

Sementara itu, polis mengingatkan penternak di daerah ini agar tidak membiarkan haiwan ternakan mereka khususnya lembu berkeliaran di jalan raya kerana tindakan itu boleh mengundang kemalangan maut terhadap pengguna.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Dr. Bakri Zainal Abidin berkata,



LEMBU berkeliaran di jalan raya ketika tinjauan di Jalan Chikus- Langkap dekat Teluk Intan, baru-baru ini.
- UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN



Kalau hendak bagi makan dalam kandang, kami tidak cukup tenaga kerja untuk potong dan angkut rumput dari hutan."

pihaknya menerima banyak aduan kemalangan jalan raya meli-

batkan haiwan ternakan sejak kebelakangan ini.

"Berdasarkan statistik, sebanyak 131 kemalangan jalan raya melibatkan haiwan seperti lembu direkodkan dari Januari hingga Disember 2024, dengan seorang maut dan dua cedera ringan.

"Manakala dari Januari hingga Oktober tahun ini, sebanyak 138 kes direkodkan, termasuk satu kematian, satu cedera parah dan satu cedera ringan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut beliau, antara kes dilaporkan termasuk kemalangan maut membabitkan pe-

nunggang sebuah motosikal yang melanggar lembu di Jalan Kampung Gohong, Langkap pada tahun lalu.

Bakri berharap penternak lebih bertanggungjawab dalam menjaga ternakan masing-masing bagi mengelakkan kejadian tidak diingini serta tindakan undang-undang.

"Penternak perlu lebih bertanggungjawab dan memastikan haiwan peliharaan tidak berkeliaran di jalan raya. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka yang cuai," katanya.

TARIKH	MEDIA	KUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Bantuan mesin pembungkus lonjak perniagaan Nurul Huda

Oleh LIYANA RAMLI
utusannews@mediamula.com.my

PARIT: Bantuan peralatan membungkus iaitu mesin vakum dan 'sealer' daripada Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) membantu seorang wanita bangkit dalam perniagaan ikan rebus yang diusahakannya selepas hampir setahun terhenti kerana masalah kesihatan.

Nurul Huda Abdullah, 41, yang tinggal di Padang Tenggal, Bota Kanan di sini, kini kembali berniaga ikan rebus selepas menerima bantuan mesin pembungkus berharga kira-kira RM2,000 daripada STeP tahun lalu.

Menurutnya, perniagaan ikan rebus yang diusahakan sejak tahun 2022 itu pada awalnya bermula dengan modal hanya RM100, hasil simpanan sendiri.

"Mula-mula saya jual sedikit saja dan saya tidak sangka lama-lama pelanggan makin ramai sehingga jualan mencapai 500 kilogram seminggu menerusi jualan di pasar pagi dan pasar malam.

"Namun tahun lalu, perniagaan terpaksa dihentikan selama lapan bulan kerana saya mengalami

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

masalah kesihatan," katanya.

Menurutnya, setelah sihat dia cuba kembali berniaga namun memerlukan modal.

Katanya, dia menerima bantuan Baitulmal sebanyak RM2,000 yang digunakan untuk membaiki kenderaan dan dijadikan modal awal memulakan semula perniagaan.

"Selain itu, STeP membantu saya mendapatkan mesin vakum serta 'sealer' untuk membungkus ikan rebus untuk saya memulakan semula perniagaan ini," katanya.

Bantuan yang diterima Nurul Huda selaras dengan flagship pertama Perak Sejahtera 2030 iaitu Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) dan flagship keempat, Koridor TVET Malaysia.

Selain itu, flagship kelima iaitu Program Pembolehdayaan Modal



NURUL Huda Abdullah menjual ikan rebus di pasar malam di Seri Iskandar dekat Parit. - UTUSAN/LIYANA RAMLI

Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat iaitu 1 Warga 1 Skill dan 1 Keluarga 1 Usahawan cetusan berwawasan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad bagi

memacu negeri ke arah kemajuan dan mensejahterakan rakyat.

Nurul Huda berkata, bantuan peralatan yang diterimanya sangat membantu meningkatkan kualiti

produknya kerana ikan rebus yang dibungkus menggunakan mesin vakum lebih kemas, bersih dan tahan lama.

Kini, dia memproses sehingga 160 kilogram ikan rebus seminggu, berbanding hanya 50 kilogram ketika mula kembali berniaga awal tahun ini.

"Sejak kembali berniaga, pelanggan lama mencari saya semula. Saya bersyukur atas bantuan perniagaan yang saya terima. Bantuan daripada kerajaan negeri benar-benar membantu saya bangkit dalam perniagaan," katanya.

Nurul Huda menzahirkan penghargaan kepada Pengerusi Yayasan Ikhtiar Parlimen Parit, Datuk Nizar Zakaria yang membantu mempromosikan perniagaannya di TikTok baru-baru ini.

"Selepas beliau promosikan perniagaan saya di TikTok, saya pun terkejut. Orang yang sebelum ini tak pernah makan ikan rebus pun mula beli, sekali gus meningkatkan jualan serta memperkenalkan produk saya kepada lebih ramai pelanggan," katanya.

■ BY HAYATUN RAZAK
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Poultry producer Farmiera Bhd is upbeat of the sector's outlook in 2026 on the back of steady demand for chicken which remains Malaysia's most affordable source of protein and consumption expected to rise with Visit Malaysia Year 2026.

Chief financial officer Chin Chien Hwi said poultry will continue to be the most affordable protein option for consumers, while higher tourist arrivals are expected to lift demand.

"So, as long as the population is there, 2026 is the tourism year with more tourists coming to Malaysia, we expect consumption to be higher," he said during a press conference in conjunction with its listing ceremony yesterday.

The company, which debuted on the ACE Market of Bursa Malaysia yesterday, said efficiency-focused operations will drive its next phase of growth.

Chin said Farmiera's upstream integration plan, including new parent stock farms and a hatchery, will strengthen supply stability and cost efficiency.

"Moving forward, we are continuously expanding our broiler farms to improve efficiency and strengthen our bottom line. We remain focused on our core poultry business and pursuing upstream integration to enhance profitability," he said.

The parent stock farm is scheduled for completion in the second quarter of 2026, with the supporting hatchery expected to be operational by the first half of 2027. At present, Farmiera sources all its day-old chicks from third-party suppliers.

Chin also expressed support for a liberalised market environment following the end of the chicken price subsidy on Nov 1, 2023.

"We are welcoming the open market because, after all, the open market means our results are based on our operational efficiency. So we welcome an open-market kind of supply and demand," he said.

Farmiera upbeat on poultry sector's 2026 outlook

➤ CFO says chicken remains most affordable protein option for consumers



(From left): Farmiera's Chin; purchasing & project development general manager Lim Kim Leng; sales & business development general manager Ong Chin Loong; farm operations senior general manager Tan Chin Heng; Lim; managing director/CEO Hong How Seng; executive director/deputy CEO Tan Kok Cheong; independent non-executive chairman Tang Yuen Kin; independent non-executive directors Nor Syahirah Abu, Koo Woon Kan and Adrian Chair Yong Huang.

Chin explained that chicken prices are subject to market forces such as "supply and demand, and the company manages this by focusing on operational efficiency.

"Pricing is still determined by supply and demand.

"For us, we can only focus on operating

efficiency because that's how we cut costs and improve profit," he said.

The subsidy, introduced in February 2022, was aimed at stabilising chicken prices during the Covid-19 period, when labour shortages and feed costs disrupted supply.

Its removal was intended to boost domestic

production, reallocate fiscal savings to targeted welfare programmes, and prevent leakages to unintended beneficiaries.

The company's shares opened flat at 25 sen with an opening volume of 12.14 million shares, giving a market capitalisation of RM112.50 million.

Through the IPO, Farmiera has raised RM29.25 million through the issuance of 117.00 million new shares.

The proceeds will be utilised primarily to support the company's upstream vertical integration expansion, with RM12.55 million and RM9.60 million allocated for the construction of two new parent stock farms and a hatchery, respectively.

In addition, RM2.80 million will be used as working capital for day-to-day operations, while the remaining RM4.30 million is earmarked for listing-related expenses.

The company operates 15 self-owned farms and 44 contract farms across Peninsular Malaysia, supported by processing facilities in Lukut and Ipoh with a combined daily capacity of 45,000 broilers.

Its operations are halal- and MeSTI-certified, and the counter is Syariah-compliant.

For FY2024, Farmiera recorded RM561.1 million in revenue and RM7 million in net profit, up from RM535.8 million and RM6.4 million, respectively, in FY2023.

Farmiera to prioritise upstream integration

Newly listed firm aims to enhance its supply chain

CORPORATE

By ELIM POON

elimpoon@thestar.com.my

PETALING JAYA: Farmiera Bhd's future growth will be led by its upstream expansion plan in the poultry industry and increased consumption of chicken in Malaysia.

Farmiera chief financial officer Chin Chien Hwi said the group's focus remains on upstream integration through parent-stock farms to improve the company's operational efficiency and bottom line.

"Moving forward, we will continuously expand our breeder farms, with our main priority being to enhance operating efficiency," he told the media following the group's listing yesterday.

Farmiera debuted flat on the ACE Market of Bursa Malaysia at 25 sen per share, unchanged from its initial public offering (IPO) price, with an opening trade volume of 12.14 million shares.

The company's listing gave it a market capitalisation of RM112.5mil and a price-to-earnings (PE) multiple of 16.07 times based on its financial year ended Dec 31, 2024 earnings.

Farmiera closed up 2%, or 0.5 sen to 25.5 sen with 56.47 million shares traded on the first trading day.

The group's IPO had drawn strong investor interest ahead of its listing, with its public issue of new shares oversubscribed by 16.69 times.

Currently, Farmiera is engaged in poultry farming and processing, supplying live broilers and distributing halal-certified raw poultry products.

The group operates 15 broiler farms and two poultry processing plants.

It also engages 44 contract farms for broiler supply as at Sept 23, 2025.

Following its listing, the group intends to enhance the supply chain of its poultry farming and poultry processing business

"For us, we can only focus on our operating efficiency which allows us to reduce costs and improve our profit."

Chin Chien Hwi

by expanding vertically upstream to build new parent stock farms and a new hatchery for its future day old chicks (DOCs) breeding operation.

Currently, the DOCs Farmiera is using in its poultry farming are sourced from local parent stocks farms.

With the upstream vertical integration, the group will be able to control the breeding and hatchery processes more efficiently as well as being able to better manage the costs and quality of the DOCs.

Of the RM29.25mil raised from its listing exercise, RM22.1mil has been allocated for the setting up of new parent stock farms and hatchery.

While Chin acknowledged that the group's upstream expansion may have different operational aspects from its current activities, he said Farmiera is able to manage it, backed by its experience in poultry farming, long-term supplier relationships, and the recruitment of experienced employees in the sector.

He added the group is optimistic of its outlook looking ahead, supported by the continued affordability of chicken, with it being the cheapest source of protein in the market, and the expected boost in demand from higher tourism activity come Visit Malaysia Year 2026.

The government had ended chicken subsidies on Nov 1, 2023.

Chin said the group welcomes an open market for chicken, noting that pricing is ultimately determined by supply and demand dynamics.

When asked how Farmiera manages

price fluctuations, Chin said pricing is still subject to market forces.

"For us, we can only focus on our operating efficiency which allows us to reduce costs and improve our profit," he said.

With regards to the company's approach to technology and innovation in poultry farming, Chin said the company employs modern closed-house farming systems, replacing traditional open-house methods to ensure better environmental control and livestock welfare.

"We have installed ventilation systems to ensure proper airflow, as well as the use of the Viper system that automatically controls temperature and humidity.

"These upgrades help us reduce manpower requirements and, ultimately, improve our profit margins," he said.

BIMB Securities said it values Farmiera Bhd at 21 sen per share, based on financial year 2026 (FY26) earnings per share of 2.2 sen and a target PE of 9.6 times, in line with the industry average.

The research house said the group's FY24 revenue of RM561.1mil highlights its smaller scale relative to larger integrated players like CAB Cakaran Corp Bhd (RM2.3bil revenue) and CCK Consolidated Holdings Bhd (RM1.1bil revenue).

"Nevertheless, the group's vertical expansion into breeding and hatchery operations is expected to enhance cost efficiency, supply stability, and long-term growth potential, supporting its move toward becoming a fully integrated poultry producer in Malaysia," it said in a report.

Dialog bukti komitmen bantu nelayan Karambunai - *Dr Aliakbar*

SEPANGGAR: Penganjuran Sesi Dialog Bersama Masyarakat Nelayan Karambunai menjadi bukti komitmen untuk Datuk Dr Aliakbar Gulasan dalam mencari penyelesaian terhadap pelbagai isu yang dihadapi komuniti nelayan di kawasan berkenaan.

Menurutnya, program itu dilaksanakan bagi memenuhi permintaan masyarakat nelayan di Sepanggar yang mahu ruang perbincangan terbuka bersama agensi kerajaan berkaitan.

"Program ini membuka ruang dan peluang nelayan mengemukakan persoalan berkaitan subsidi, zon penangkapan ikan, penguatkuasaan dan tekanan pembangunan kepada agensi kerajaan yang hadir," katanya ketika menyampaikan ucapan aluan dalam program berkenaan di Kampung Kuala Menggatal.

Beliau yang juga Naib Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Sabah berkata, sesi dia-



Tidak kekuk menunjukkan skil bersukan, Dr Aliakbar ketika menyertai anak-anak muda di Kampung Tebobon dalam pertandingan futsal.

log seperti itu menjadi alternatif penting dalam mencari penyelesaian sebenar terhadap isu-isu berkaitan nelayan, selain memperkukuh hubungan dua hala antara masyarakat dan pihak berkuasa.

Beliau turut menegaskan bahawa kampung nelayan sekitar Sepanggar wajar diiktiraf sebagai kampung warisan, khususnya yang melibatkan masyarakat.

"Namun, kerajaan tidak boleh membangunkan sesuatu kawasan warisan tanpa berbincang dengan masyarakat dan mencari 'solusi jalan tengah,'" tegasnya.

Katanya, pembangunan yang melibatkan kampung para nelayan mestilah memberi manfaat dan impak yang positif kepada masyarakat setempat.

Antara kampung nelayan yang terlibat ialah Kam-

pung Kuala Menggatal, Kampung Wak Wak, Kampung Gentisan, Kampung Sabang, Kampung Kebagu, Kampung Unggun, Kampung Karambunai dan Kampung Ramayan.

Sesi dialog berkenaan turut mendapat penyertaan lapang agensi kerajaan utama termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Sabah Ports, Ja-

batan Pelabuhan dan Derma- ga Sabah.

Juga disertai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Sabah, Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) Wilayah Pantai Barat, Jabatan Laut Sabah dan Jabatan Perikanan Sabah.

Seorang nelayan, Mohamad Yusri, yang hadir dalam sesi berkenaan berkata, kehadiran pelbagai agensi membuktikan keyakinan mereka terhadap peranan Dr Aliakbar sebagai jambatan penghubung antara nelayan dan pihak berkuasa.

"Permintaan kami ini mendapat respons yang pantas dengan hanya mengambil masa seminggu dari permintaan kami untuk berjumpa dengan agensi nelayan. Kami sangat bersyukur dan amat berterima kasih," katanya.